

08 JUN 1999

Najib-Bestari

PELAKSANAAN SEKOLAH BESTARI SEBELUM AKHIR TAHUN INI

MELAKA, 8 Jun (Bernama) -- Pelaksanaan Program Sekolah Bestari di 90 sekolah di seluruh negara akan dimulakan sebelum akhir tahun ini menerusi perjanjian dengan sebuah konsortium yang telah dilantik oleh Kementerian Pendidikan.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata perjanjian antara kementerian dan konsortium itu akan dilakukan bulan depan di Cyberjaya bersempena dengan Mesyuarat Panel Antarabangsa, yang akan disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

" Kita akan mulakan program itu dengan empat mata pelajaran teras iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains... banyak perisian yang akan dibangunkan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan taklimat perjumpaan profesional pemimpin bersama pendidik yang dihadiri oleh lebih 1,000 guru dan pegawai-pegawai perkhidmatan pendidikan Melaka di Auditorium Al Azim, di sini, hari ini.

Najib enggan menyatakan konsortium serta jumlah kos yang terbabit sebaliknya berkata pengumuman akan dilakukan kemudian dengan kontrak itu meliputi semua aspek termasuk perisian dan peralatan.

Beliau berkata pembekalan peralatan kepada sekolah yang dipilih itu akan dilaksanakan selepas perjanjian itu ditandatangani manakala pembangunan perisian akan mengambil sedikit masa.

" Yang istimewa ialah kita akan mempunyai satu konsep pengurusan sekolah itu yang akan dimasukkan menerusi pakej dan mempunyai satu bentuk model berintegrasi yang tidak terdapat di negara-negara lain," katanya.

Beliau berkata lebih 3,000 tenaga pengajar akan diperlukan bagi pembangunan sekolah bestari itu dan para pelajar di sekolah berkenaan telah bersedia untuk menempuh konsep multimedia dalam bidang pendidikan kerana mereka berkebolehan.

Najib juga berkata Kolej Matrikulasi di Alor Gajah, dekat sini akan menerima kemasukan pelajar pertamanya seramai 1,000 orang pada 20 Jun ini.

Kolej itu, yang dibina di kawasan seluas 35 hektar oleh Kumpulan Maju, berharga RM100 juta dan merupakan kolej matrikulasi termoden dan dilengkapi dengan 40 makmal sains.

Tiga lagi kolej matrikulasi di Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Pongsu Seribu, Pulau Pinang dan Arau, Perlis yang boleh menampung 10,000 pelajar dijadual siap menjelang akhir tahun ini.

Terdahulu, ketika berucap Najib berkata guru-guru harus bersama-sama dengan kerajaan untuk masa depan pendidikan pelajar yang lebih gemilang.

" Kita sama-sama berganding bahu, berkongsi wawasan untuk menentukan masa depan yang lebih baik dalam kemajuan bidang pendidikan dan melahirkan generasi baru kita ke tahap yang lebih cemerlang dalam bidang pendidikan," katanya.

-- BERNAMA

NO NAK